

# 6

## Kementerian Pelaburan, Perdagangan Dan Industri

- **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**
  - Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan



# PROGRAM GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



## RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhan, Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan oleh MIDA menunjukkan pencapaian keberhasilan meliputi penciptaan nilai, kesan limpahan, pewujudan peluang pekerjaan dan impak sosial. Bagaimanapun, data berkaitan pelaburan bagi setiap projek yang diluluskan insentif dan geran tidak diselenggara dengan lengkap dan maklumat masih disimpan secara manual. Kesannya, nilai pelaburan direalisasikan tidak dapat ditentukan kerana data tidak tersedia untuk dianalisis."

## PENCAPAIAN OUTPUT

PS	PERMOHONAN	KELULUSAN	TREND KELULUSAN	IF	SASARAN PERJANJIAN	SASARAN DALAMAN MIDA	KELULUSAN
	705	511	↖		339 84.7%	239 120.1%	
ITA	265	136	↗				287
HIF	75	37	↖				
DISF	459	216	↖				
GI	631	179	↗				238

## PENCAPAIAN KEBERHASILAN

### BERDASARKAN SAMPEL AUDIT

#### INSENTIF

PS	ITA
<b>23 Projek</b>	<b>2 Projek</b>
➤ Penciptaan Nilai	✓
➤ Kesan Limpahan	✓
➤ Peluang Pekerjaan	✓
➤ Impak Sosial	✓

#### HIF DISF

<b>5 Projek</b>	<b>40 Projek</b>
Pelaburan Aset Tetap & Perbelanjaan Operasi	✓

#### IF

#### Manusia, Proses & Teknologi

#### GERAN

#### SAG

#### **50 Projek**

- i. Pengurangan Pekerja Kurang Mahir;
- ii. Pengurangan Jam Kerja;
- iii. Peningkatan Kapasiti Pengeluaran; dan
- iv. Peningkatan Kualiti/Pengurangan Defect Rate.

**GI** Indikator Pengukuran Keberhasilan Belum Ditetapkan



## PENGURUSAN PROGRAM

### 1 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KEWANGAN

**Ringkasan Kewangan Geran**  
Peruntukan [RM1.977 Bilion]  
Perbelanjaan [RM1.556 Bilion]

**Perbelanjaan Melebihi Peruntukan**  
DISF [RM73.78 Juta]

**Komitmen Melebihi Baki Geran dan Baki Siling**  
HIF [RM239.29 Juta]  
DISF [RM231.17 Juta]

### 2 NILAI PELABURAN DILULUSKAN DAN DIREALISASIKAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN

**Nilai Pelaburan Diluluskan Tidak Termasuk:**  
➤ ICA 10 [RM9.134 Bilion]  
➤ IPA [RM9.059 Bilion]  
➤ IF dan SAG [Nilai Tidak Dapat Ditentukan]

**Nilai Pelaburan Direalisasikan Berbanding Sasaran Tidak Dapat Ditentukan**

### 3 PEMATUHAN SYARAT KELAYAKAN GERAN

- 8 Geran HIF dan DISF Tidak Ditarik Balik
- 2 Syarikat Belum Membuat Pemulangan Pendahuluan bagi Geran IF yang Ditarik Balik

**2**

**SYOR AUDIT**



**KEMENTERIAN PELABURAN,  
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN  
MALAYSIA**  
**PROGRAM GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR  
PERKILANGAN**

---

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) merupakan agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah seliaan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). MIDA ditubuhkan sebagai badan berkanun pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 [Akta 397].
- MITI pada 19 Mei 2010 telah menurunkan kuasa bagi semua kelulusan galakan pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327], Akta Penyelaras Perindustrian 1975 [Akta 156] dan Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] kepada Pengurus atau Ketua Pengarah MIDA.
- Program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan yang diuruskan oleh MIDA terbahagi kepada dua kategori iaitu insentif dan geran. Insentif ditawarkan melalui pengecualian cukai bersamaan Taraf Perintis (PS) atau Elaun Cukai Pelaburan (ITA). Geran utama yang berkait langsung dengan sektor perkilangan merangkumi Dana Berimpak Tinggi (HIF), Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF), Geran Industry4WRD Intervention Fund (IF), Geran Automasi Pintar (SAG) dan Geran Menaik Taraf Infrastruktur Kawasan Perindustrian (GI).
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program galakan pelaburan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan insentif serta geran. Pengurusan program pula dinilai berdasarkan peruntukan dan perbelanjaan kewangan, nilai pelaburan diluluskan dan direalisasikan serta pematuhan syarat kelayakan geran.
- Pengauditan ini melibatkan MIDA sebagai audit utama, MITI sebagai kementerian yang menyelia dan memantau pelaksanaan

program, Kementerian Kewangan (MoF) sebagai pengerusi bersama MITI dalam Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) serta Kementerian Ekonomi yang turut menganggotai NCI.

<b>Mengapa ia penting untuk diaudit?</b>	Untuk menilai sama ada program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan telah dilaksanakan oleh MIDA secara berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan bagi setiap insentif dan geran.
<b>Rumusan</b>	Program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan oleh MIDA menunjukkan pencapaian keberhasilan meliputi penciptaan nilai, kesan limpahan, pewujudan peluang pekerjaan dan impak sosial. Bagaimanapun, impak keseluruhan program tidak dapat ditentukan kerana penilaian secara menyeluruh terhadap kesemua penerima insentif dan geran tidak dijalankan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Data berkaitan pelaburan bagi setiap projek yang diluluskan insentif dan geran tidak diselenggara dengan lengkap dan tidak tersedia untuk dianalisis.	Objektif keseluruhan program dan nilai pelaburan direalisasikan tidak dapat ditentukan.	MIDA hendaklah menyelenggara data berkaitan pelaburan bagi setiap projek yang diluluskan insentif dan geran dengan lengkap termasuk merekodkan nilai pelaburan direalisasi.
2.	Nilai pelaburan diluluskan tidak mengambil kira pelaburan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaburan bagi syarikat dikecualikan lesen pengilang (ICA 10) berjumlah RM9.134 bilion.</li> <li>• Nilai pelaburan yang diluluskan oleh Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) berjumlah RM9.059 bilion.</li> <li>• Nilai pelaburan modal bagi syarikat yang diluluskan geran IF dan SAG.</li> </ul>	Prestasi pelaburan tahunan yang dilaporkan oleh MIDA setiap tahun tidak menggambarkan kedudukan sebenar jumlah pelaburan yang diluluskan dan direalisasikan.	MIDA hendaklah mengkaji keperluan dan kesesuaian untuk melaporkan nilai pelaburan bagi syarikat yang diluluskan ICA 10, pelaburan yang diluluskan oleh IPA dan pelaburan bagi syarikat yang diluluskan geran IF dan SAG.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbelanjaan melebihi peruntukan bagi geran DISF berjumlah RM73.78 juta.</li> <li>Komitmen melebihi baki siling geran HIF dan DISF berjumlah RM470.46 juta.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan dana bagi geran yang lain berkurangan dan menjelaskan penawaran geran di bawah dana tersebut.</li> <li>Boleh menjelaskan kepercayaan pelabur sekiranya MIDA tidak dapat memenuhi komitmen yang telah diluluskan.</li> </ul>	MIDA perlu memperkemaskan prosedur serta memberi tumpuan dalam pemantauan dan penguatkuasaan terma perjanjian agar pengurusan geran dapat dilaksanakan dengan teratur.
4.	Lapan geran HIF dan DISF telah tamat tempoh tidak ditarik balik berjumlah RM54.65 juta.	Geran tersebut kekal direkodkan sebagai komitmen dan tidak dapat ditawarkan kepada syarikat lain.	
5.	Dua syarikat belum membuat pemulangan pendahuluan bagi geran IF yang ditarik balik berjumlah RM0.29 juta.	MIDA berisiko <b>kerugian wang awam berjumlah RM0.29 juta.</b>	



# KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

### 1. PROGRAM GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN

FAKTA UTAMA		
<b>Pelaburan Diluluskan 2016 – 2022</b>	<b>Projek Menerima Insentif 2016 – 2022</b>	<b>Projek Menerima Geran 2016 – 2022</b>
<b>*5,685</b> Bilangan projek pelaburan diluluskan	<b>647</b> Bilangan projek pelaburan menerima insentif	<b>921</b> Bilangan projek menerima geran
<b>RM662.935 Bilion</b> Jumlah pelaburan diluluskan	<b>RM187.521 Bilion</b> Jumlah pelaburan menerima insentif	<b>RM1.769 Bilion</b> Jumlah geran diluluskan
<b>Objektif Program</b>  <b>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)</b>	Menarik pelaburan bagi menggalakkan aktiviti eksport dan maksud yang bersampingan dan berkaitan  Menyelia dan memantau pelaksanaan program galakan pelaburan. MITI adalah pengurus bersama Kementerian Kewangan (MoF) dalam Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI). Keanggotaan NCI turut melibatkan Kementerian Ekonomi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Bank Negara Malaysia	  <b>Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)</b>  MIDA bertanggungjawab menguruskan program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan yang diluluskan oleh NCI

Nota: (\*) - Tidak termasuk projek yang menerima geran IF, SAG dan GI

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) merupakan agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah seliaan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). MIDA ditubuhkan sebagai badan berkanun pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 [Akta 397]. Berdasarkan Seksyen 6 Akta 397, antara fungsi utama MIDA bagi sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) adalah seperti berikut:

- a. sebagai peneraju, penyelaras, pemantau dan penilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan;
- b. menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam atau di luar Malaysia;
- c. menjalankan kajian dan perancangan berhubung hal-hal berkaitan pelaburan;
- d. menasihati Kerajaan mengenai dasar berkaitan penggalakan pelaburan yang meliputi pengeluaran lesen pengilang, insentif kepada pelabur yang berkelayakan di Malaysia,

pengenaan atau pemindahan serta pengecualian daripada duti kastam dan kemudahan-kemudahan fiskal atau bukan fiskal yang lain;

- e. merangka langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan; dan
- f. menyelaras dan memudahkan aktiviti berkaitan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan di peringkat persekutuan dan negeri.

1.2. Sektor perkilangan melibatkan aktiviti membuat, mengubah, mengadun, menghias, memperkemas atau dengan cara lain mengawet atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan dengan tujuan untuk mengguna, menjual, mengangkut, menyerah atau melupus dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian dan pemberian kapal tetapi tidak termasuk sebarang aktiviti yang biasanya dikaitkan dengan perdagangan jual runcit atau jual borong. Terdapat 19 subsektor di bawah sektor perkilangan antaranya elektrikal dan elektronik, produk logam asas, kimia dan produk kimia, produk getah, pengilangan makanan, kelengkapan pengangkutan, peralatan pengukuran dan saintifik serta produk logam fabrikasi dan lain-lain. Sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport dan kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

1.3. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 adalah berjumlah RM662.935 bilion melibatkan 5,685 projek. Perincian jumlah pelaburan dan bilangan projek diluluskan bagi sektor perkilangan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PELABURAN DILULUSKAN DI MALAYSIA**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022**

BUTIRAN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
Projek Diluluskan (Bil.)	733	687	721	987	1,050	706	801	<b>5,685</b>
Pelaburan Diluluskan (RM Bilion)	58.495	63.681	87.376	82.727	91.263	195.119	84.274	<b>662.935</b>

Sumber: Bahagian Statistik MIDA

1.4. MITI pada 19 Mei 2010 telah menurunkan kuasa bagi semua kelulusan galakan pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327], Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [Akta 156] dan Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] kepada Pengerusi atau Ketua Pengarah MIDA. Bagaimanapun, perkara yang berkaitan dengan keputusan dasar masih perlu mendapatkan persetujuan daripada MITI. Akta 327 memperuntukkan program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan diberikan melalui pengecualian cukai bersamaan Taraf Perintis (Pioneer Status [PS]) atau Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance [ITA]) untuk menggalakkan aktiviti eksport dan maksud yang bersampingan dan berkaitan.

1.5. Selain daripada menguruskan insentif PS dan ITA, MIDA turut bertanggungjawab menguruskan geran sebagai sebahagian daripada program galakan pelaburan. Lima jenis geran yang diuruskan MIDA adalah *High Impact Fund* (HIF), *Domestic Investment Strategic Fund* (DISF), *Industry Forward* (IF), *Smart Automation Grant* (SAG) dan Geran Menaik Taraf Kawasan Perindustrian Sedia Ada/Geran Infra (GI). Butiran lanjut program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan yang diuruskan oleh MIDA adalah seperti dalam **Rajah 1**.

**RAJAH 1**  
**PROGRAM GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

PROGRAM GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN																									
1	2																								
<b>1   Insentif</b>  <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;">BIL.</th><th style="width: 90%;">BUTIRAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">1.1.</td><td>Taraf Perintis (PS)</td></tr> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">1.2.</td><td>Elaun Cukai Pelaburan (ITA)</td></tr> </tbody> </table>	BIL.	BUTIRAN	1.1.	Taraf Perintis (PS)	1.2.	Elaun Cukai Pelaburan (ITA)	<b>2   Geran</b>  <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;">BIL.</th><th style="width: 40%;">BUTIRAN</th><th style="width: 50%;">OBJEKTIF</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">2.1.</td><td>High Impact Fund (HIF)</td><td>Menarik projek berimpak tinggi serta berkualiti tinggi.</td></tr> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">2.2.</td><td>Domestic Investment Strategic Fund (DISF)</td><td>Mempercepatkan peralihan syarikat milik rakyat Malaysia kepada nilai tambah yang lebih tinggi berdasarkan industri yang disasarkan.</td></tr> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">2.3.</td><td>Industry Forward (IF)</td><td>1. Meningkatkan produktiviti syarikat; 2. Mempercepatkan pertumbuhan perniagaan; dan 3. Meningkatkan "tahap pemarkahan semasa" berdasarkan Readiness Assessment (RA).</td></tr> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">2.4.</td><td>Smart Automation Grant (SAG)</td><td>1. Membantu serta memberi insentif kepada Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pertengahan Tempatan (MTC); 2. Meningkatkan kecekapan dalam sektor pembuatan; 3. Mengurangkan pengantaran kepada pekerja asing; dan 4. Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor nilai tambah tinggi.</td></tr> <tr> <td style="background-color: #f0f0f0;">2.5.</td><td>Geran Menaik Taraf Kawasan Perindustrian Sedia Ada/ Geran Infra (GI)</td><td>1. Membantu aktiviti menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur asas, fasiliti dan kemudahan asas di dalam kawasan perindustrian berintegrasi; 2. Menambah baik (value-add) infrastruktur asas sedia ada; dan 3. Meningkatkan daya saing kawasan perindustrian.</td></tr> </tbody> </table>	BIL.	BUTIRAN	OBJEKTIF	2.1.	High Impact Fund (HIF)	Menarik projek berimpak tinggi serta berkualiti tinggi.	2.2.	Domestic Investment Strategic Fund (DISF)	Mempercepatkan peralihan syarikat milik rakyat Malaysia kepada nilai tambah yang lebih tinggi berdasarkan industri yang disasarkan.	2.3.	Industry Forward (IF)	1. Meningkatkan produktiviti syarikat; 2. Mempercepatkan pertumbuhan perniagaan; dan 3. Meningkatkan "tahap pemarkahan semasa" berdasarkan Readiness Assessment (RA).	2.4.	Smart Automation Grant (SAG)	1. Membantu serta memberi insentif kepada Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pertengahan Tempatan (MTC); 2. Meningkatkan kecekapan dalam sektor pembuatan; 3. Mengurangkan pengantaran kepada pekerja asing; dan 4. Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor nilai tambah tinggi.	2.5.	Geran Menaik Taraf Kawasan Perindustrian Sedia Ada/ Geran Infra (GI)	1. Membantu aktiviti menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur asas, fasiliti dan kemudahan asas di dalam kawasan perindustrian berintegrasi; 2. Menambah baik (value-add) infrastruktur asas sedia ada; dan 3. Meningkatkan daya saing kawasan perindustrian.
BIL.	BUTIRAN																								
1.1.	Taraf Perintis (PS)																								
1.2.	Elaun Cukai Pelaburan (ITA)																								
BIL.	BUTIRAN	OBJEKTIF																							
2.1.	High Impact Fund (HIF)	Menarik projek berimpak tinggi serta berkualiti tinggi.																							
2.2.	Domestic Investment Strategic Fund (DISF)	Mempercepatkan peralihan syarikat milik rakyat Malaysia kepada nilai tambah yang lebih tinggi berdasarkan industri yang disasarkan.																							
2.3.	Industry Forward (IF)	1. Meningkatkan produktiviti syarikat; 2. Mempercepatkan pertumbuhan perniagaan; dan 3. Meningkatkan "tahap pemarkahan semasa" berdasarkan Readiness Assessment (RA).																							
2.4.	Smart Automation Grant (SAG)	1. Membantu serta memberi insentif kepada Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pertengahan Tempatan (MTC); 2. Meningkatkan kecekapan dalam sektor pembuatan; 3. Mengurangkan pengantaran kepada pekerja asing; dan 4. Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor nilai tambah tinggi.																							
2.5.	Geran Menaik Taraf Kawasan Perindustrian Sedia Ada/ Geran Infra (GI)	1. Membantu aktiviti menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur asas, fasiliti dan kemudahan asas di dalam kawasan perindustrian berintegrasi; 2. Menambah baik (value-add) infrastruktur asas sedia ada; dan 3. Meningkatkan daya saing kawasan perindustrian.																							

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.6. Tiada akta spesifik yang mengawal selia pemberian geran HIF, DISF, IF, SAG dan GI kepada syarikat serta Kawasan Perindustrian (KP) melainkan garis panduan dalaman yang diterbitkan oleh MIDA. Maklumat ringkas setiap geran yang terlibat berdasarkan garis panduan dalaman MIDA adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**RINGKASAN GERAN**

BIL.	BUTIRAN	GERAN				
		HIF	DISF	IF	SAG	GI
1.	Mula diperkenalkan	Bajet tahun 2000 di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8)	Tahun 2012 di bawah RMKe-10	Bajet tahun 2019 di bawah RMKe-11	2 Disember 2020 di bawah Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)	RMKe-9
2.	Kelayakan	Tidak berkaitan	Syarikat pemilikan ekuiti Malaysia sekurang-kurangnya 60%	Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan yang mengikuti Program Penilaian Kesediaan (Readiness Assessment [RA]) yang dibayai oleh Kerajaan	PKS serta Syarikat Pertengahan Tempatan (MTC)	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) atau Agensi Kerajaan yang dilantik


BIL.	BUTIRAN	GERAN				
		HIF	DISF	IF	SAG	GI
3.	Geran padanan	50:50	1:1	70:30	50:50	Tidak berkaitan
4.	Had maksimum geran	×	×	RM500,000	RM1 juta	×
5.	Pendahuluan	×	×	Maksimum 30% daripada jumlah keseluruhan 70% geran padanan yang diluluskan	×	×
6.	Objektif	Rujuk <b>Rajah 1</b>				
7.	Bentuk	Geran pembangunan dan penyelidikan (R&D), geran latihan, geran modal dan kelulusan modal	Geran Latihan kepada Rakyat Tempatan, Aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia, Pemodenan dan Naik Taraf Kemudahan dan Peralatan, Pelesenan dan Pembelian Teknologi, dan Persijilan Antarabangsa	Pembelian mesin dan perisian	Pembelian mesin	Penyaluran peruntukan
8.	Industri keutamaan	×	Aeroangkasa, peranti perubatan, farmaseutikal, elektronik termaju, mesin dan peralatan serta sektor lain yang boleh dipertimbangkan berdasarkan merit	×	×	×
9.	Pendaftaran ditutup	17 Disember 2021	17 Disember 2021	×	1 Jun 2021	×
10.	Sebab pendaftaran ditutup	Program mencapai kapasiti dananya dan dihentikan sementara walaupun mendapat sambutan yang tinggi		×	Program mencapai kapasiti dananya dan dihentikan sementara walaupun mendapat sambutan yang tinggi	×
11.	Sasaran	×	×	✓	✓	×
12.	Jawatankuasa pelulus geran	Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI)		Industry4WRD Intervention Fund Approval Committee (IIFC)	Smart Automation Grant Approval Committee (SAGAC)	Jawatankuasa Peruntukan Kawasan Perindustrian Sedia Ada (JPKPS)
13.	Jawatankuasa memperakurkan pembayaran geran	Jawatankuasa Penyelaras dan Pembayaran Geran (JPPG)				Jawatankuasa Kecil Penilaian Tuntutan Pembayaran (JKPTP)

Sumber: Garis Panduan MIDA, Bahagian SPM dan Bahagian Pasca Pelaburan MIDA

Nota: ✓ - Ada      ✗ - Tiada


1.7. Tatacara pengendalian insentif dan geran mengikut *Standard Operating Procedures (SOP)* yang dikeluarkan oleh MIDA adalah seperti dalam **Rajah 2** dan **Rajah 3**.

## RAJAH 2 TATACARA PENGENDALIAN INSENTIF



Sumber: Bahagian Perancangan Strategik dan Advokasi Polisi (Perkilangan) MIDA [SPM]

## RAJAH 3 TATACARA PENGENDALIAN GERAN



Sumber: Bahagian SPM MIDA

1.8. Selain daripada MIDA, terdapat pelbagai pihak lain yang terlibat secara tidak langsung dalam program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan untuk memastikan keseimbangan antara usaha menarik pelaburan ke dalam negara dan memperoleh hasil cukai yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan. Peranan Kementerian/Jabatan/Agenzi yang terlibat adalah seperti dalam **Rajah 4**.

**RAJAH 4**  
**PERANAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.9. MIDA telah menujuhkan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) pada Mei 2010 sebagai platform utama untuk meluluskan pelaburan dalam sektor perkilangan. Jemaah Menteri yang bersidang pada 8 Mei 2019 bersetuju agar NCI diperkasakan sebagai “Jawatankuasa Tunggal bagi Kelulusan Insentif” untuk memusatkan penilaian dan kelulusan pakej pelaburan berkaitan insentif cukai dan geran di peringkat nasional. NCI dipengerusikan secara bersama oleh MITI dan MoF dan dianggotai oleh MIDA, Kementerian Ekonomi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Selain daripada NCI, antara jawatankuasa lain yang turut diwujudkan dalam pengurusan program galakan pelaburan adalah Jawatankuasa Penyelaras dan Pembayaran Geran (JPPG), *Industry4WRD Intervention Fund Approval Committee* (IIFC), *Smart Automation Grant Approval Committee* (SAGAC) dan Jawatankuasa Peruntukan Kawasan Perindustrian Sedia Ada (JKPKS).

1.10. Sebanyak 1,568 projek dalam sektor perkilangan telah menerima insentif dan geran bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Jumlah ini merangkumi 647 projek telah diluluskan insentif dengan nilai pelaburan diluluskan berjumlah RM187.521 bilion dan 921 projek telah diluluskan geran berjumlah RM1.769 bilion.

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan telah dilaksanakan oleh MIDA secara berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan bagi setiap insentif dan geran di samping

menarik pelaburan bagi menggalakkan aktiviti eksport, dan maksud yang bersampingan meliputi penciptaan nilai, kesan limpahan, pewujudan peluang pekerjaan dan impak sosial.

### 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program galakan pelaburan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Skop prestasi dan pengurusan program yang dinilai adalah seperti dalam **Rajah 5**.




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Pengauditan ini melibatkan MIDA sebagai audit utama, MITI sebagai kementerian yang menyelia dan memantau pelaksanaan program, MoF sebagai pengerusi bersama MITI dalam Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) serta Kementerian Ekonomi yang turut menganggotai NCI. Pengauditan telah dijalankan di MITI, MIDA, syarikat penerima insentif dan geran serta kawasan perindustrian yang terlibat. Pengauditan dilaksanakan terhadap insentif dan geran yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022.

3.3. Semakan dokumen secara terperinci dilaksanakan terhadap 95 (14.7%) daripada 647 insentif yang diluluskan meliputi 62 PS dan 33 ITA dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM145.352 bilion (77.5%) daripada RM187.521 bilion. Selain itu, semakan dokumen juga dilaksanakan terhadap 291 (31.6%) daripada 921 geran yang diluluskan meliputi HIF, DISF, IF, SAG dan GI berjumlah RM1.006 bilion (56.9%) daripada RM1.769 bilion. Lanjutan daripada semakan dokumen tersebut, pemeriksaan fizikal Audit dilaksanakan terhadap 40 projek (10.4%) di negeri Pulau Pinang, Kedah, Johor, Melaka dan Selangor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 6**.

**RAJAH 6**  
**SAMPEL PENG AUDITAN**




Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Metodologi yang digunakan semasa peng auditan adalah seperti dalam Rajah 7.

**RAJAH 7**  
**METODOLOGI PENG AUDITAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan November 2022 hingga bulan Jun 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang telah diadakan pada 25 Ogos 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

### 5.1. Prestasi Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan

#### 5.1.1. Pencapaian Output

##### 5.1.1.1. Pencapaian Output – Insentif

- a. Taraf Perintis (Pioneer Status [PS]) umumnya akan dipilih apabila syarikat pengilang menjana pulangan keuntungan yang cepat manakala ITA dipilih sebagai alternatif kepada PS terutamanya bagi syarikat yang melibatkan perbelanjaan modal yang besar. PS dan ITA diberikan kepada syarikat yang mempunyai projek baharu, pembesaran atau pelbagai dalam suatu aktiviti digalakkan untuk menikmati pengecualian cukai pendapatan pada kadar dan tempoh tertentu.
- b. MIDA tidak menetapkan sebarang sasaran untuk menilai prestasi PS dan ITA bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Oleh itu, pencapaian output PS dan ITA dinilai berdasarkan trend permohonan dan kelulusan. Semakan Audit terhadap senarai kelulusan PS mendapati MIDA telah meluluskan 511 (72.5%) daripada 705 permohonan PS berjumlah RM52.237 bilion bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai kelulusan ITA mendapati MIDA telah meluluskan 136 (51.3%) daripada 265 permohonan ITA berjumlah RM135.284 bilion bagi tempoh tahun yang sama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PERMOHONAN DAN KELULUSAN INSENTIF PS DAN ITA**

BUTIRAN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
<b>TARAF PERINTIS (PS)</b>								
Permohonan (Bil.)	158	138	145	167	75	17	5	<b>705</b>
Kelulusan (Bil.)	124	96	107	81	60	22	21	<b>511</b>
Jumlah Pelaburan Modal yang Diluluskan (RM Bilion)	8.122	4.849	6.527	4.672	7.943	8.307	11.817	<b>52.237</b>
<b>ELAUN CUKAI PELABURAN (ITA)</b>								
Permohonan (Bil.)	44	73	45	71	25	5	2	<b>265</b>
Kelulusan (Bil.)	29	34	25	23	16	4	5	<b>136</b>


BUTIRAN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
Jumlah Pelaburan Modal yang Diluluskan (RM Bilion)	22.707	18.216	35.577	12.132	1.188	44.238	1.226	<b>135.284</b>

Sumber: Bahagian Statistik MIDA

Nota: Kelulusan Adalah Termasuk Permohonan Tahun Terdahulu


- c. Berdasarkan **Jadual 3**, permohonan dan kelulusan PS adalah dalam trend yang menurun bermula tahun 2019 hingga 2022 dan kelulusan ITA pula dalam trend yang menurun bermula tahun 2018 hingga 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

**CARTA 1**  
**TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN INSENTIF PS**



Sumber: Bahagian Statistik MIDA

**CARTA 2**  
**TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN INSENTIF ITA**



Sumber: Bahagian Statistik MIDA

- d. Trend kelulusan yang menurun antaranya disebabkan polisi pemberian Lesen Pengilang bagi sub-sektor percetakan dan penerbitan, kitar semula sisa plastik dan produk logam asas telah diperketatkan. Selain itu, pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 dan 2021 serta peralihan prosedur untuk mengemukakan permohonan insentif daripada secara manual kepada atas talian melalui sistem InvestMalaysia turut mempengaruhi kelulusan insentif.
- e. Bagaimanapun, trend kelulusan insentif yang menurun tidak menjaskan keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan kerana terdapat faktor lain yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik selain daripada pemberian insentif. Antara faktor tersebut adalah ekosistem pelaburan yang kondusif, fasilitasi perdagangan dan pelaburan yang berkesan, sumber tersedia, infrastruktur yang lengkap dan berdaya saing.

#### **Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 Ogos 2023**

Galakan PS dan ITA bukan merupakan faktor utama syarikat memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Pelaburan diluluskan untuk sektor perkilangan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 berjumlah RM662.935 bilion yang berjaya ditarik oleh MIDA adalah tinggi berbanding jumlah kelulusan PS dan ITA yang menurun.

##### **5.1.1.2. Pencapaian Output – Geran**

###### **a. Pencapaian Output Geran HIF, DISF dan GI**

- i. MIDA tidak menetapkan sasaran bagi geran HIF, DISF dan GI. Pencapaian output tiga geran tersebut dinilai berdasarkan trend permohonan dan kelulusan. Semakan Audit mendapati MIDA telah meluluskan geran HIF kepada 37 projek (49.3%) berjumlah RM479.39 juta berbanding 75 permohonan yang diterima bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Selain itu, dalam tempoh yang sama, MIDA turut meluluskan geran DISF kepada 216 projek (47.1%) berjumlah RM891.36 juta berbanding 459 permohonan yang diterima dan GI kepada 179 projek (28.4%) berjumlah RM169.23 juta berbanding 631 permohonan yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PERMOHONAN DAN KELULUSAN GERAN HIF, DISF DAN GI**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022**

BTIRIAN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
<b>HIF</b>								
Permohonan (Bil.)	12	9	3	7	38	6	-	<b>75</b>
Kelulusan (Bil.)	3	2	3	9	17	1	2	<b>37</b>
Kelulusan (RM Juta)	9.73	29	25.79	100.20	154.67	50	110	<b>479.39</b>
<b>DISF</b>								
Permohonan (Bil.)	95	76	58	71	128	31	-	<b>459</b>
Kelulusan (Bil.)	46	27	32	21	59	28	3	<b>216</b>
Kelulusan (RM Juta)	130.71	112.30	120.62	63.31	349.81	97.29	17.32	<b>891.36</b>
<b>GI</b>								
Permohonan (Bil.)	39	97	107	95	83	85	125	<b>631</b>
Kelulusan (Bil.)	32	13	26	22	30	16	40	<b>179</b>
Kelulusan (RM Juta)	19.69	12.34	21.66	14.94	18.94	36.89	44.77	<b>169.23</b>

Sumber: Bahagian SPM, Bahagian Statistik dan Bahagian Pasca Pelaburan MIDA

Nota: Kelulusan Adalah Termasuk Permohonan Tahun Terdahulu

- ii. Trend permohonan dan kelulusan HIF, DISF dan GI diperincikan dalam **Jadual 5** dan **Carta 3, Carta 4** serta **Carta 5**.

**JADUAL 5**  
**TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN GERAN HIF, DISF DAN GI**

BIL.	GERAN	TREND	SEBAB																								
1.	HIF	<p style="text-align: center;"><b>CARTA 3</b>  <b>TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN HIF</b></p> <table border="1"> <caption>Data for Carta 3: TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN HIF</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Permohonan (Bil.)</th> <th>Kelulusan (Bil.)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2016</td><td>12</td><td>3</td></tr> <tr><td>2017</td><td>9</td><td>2</td></tr> <tr><td>2018</td><td>3</td><td>3</td></tr> <tr><td>2019</td><td>7</td><td>9</td></tr> <tr><td>2020</td><td>38</td><td>17</td></tr> <tr><td>2021</td><td>6</td><td>1</td></tr> <tr><td>2022</td><td>0</td><td>2</td></tr> </tbody> </table> <p>Sumber: Bahagian SPM dan Bahagian Statistik MIDA</p>	Tahun	Permohonan (Bil.)	Kelulusan (Bil.)	2016	12	3	2017	9	2	2018	3	3	2019	7	9	2020	38	17	2021	6	1	2022	0	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>MIDA melonggarkan syarat kelulusan geran HIF antaranya pengecualian syarat pelaburan harta tetap dan perbelanjaan operasi berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.</li> <li>Penurunan kelulusan pada tahun 2021 - MIDA telah menutup permohonan pada 17 Disember 2021 kerana peruntukan yang diterima telah dibelanjakan sepenuhnya.</li> </ul>
Tahun	Permohonan (Bil.)	Kelulusan (Bil.)																									
2016	12	3																									
2017	9	2																									
2018	3	3																									
2019	7	9																									
2020	38	17																									
2021	6	1																									
2022	0	2																									
2.	DISF	<p style="text-align: center;"><b>CARTA 4</b>  <b>TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN DISF</b></p> <table border="1"> <caption>Data for Carta 4: TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN DISF</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Permohonan (Bil.)</th> <th>Kelulusan (Bil.)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2016</td><td>95</td><td>46</td></tr> <tr><td>2017</td><td>76</td><td>27</td></tr> <tr><td>2018</td><td>58</td><td>32</td></tr> <tr><td>2019</td><td>71</td><td>21</td></tr> <tr><td>2020</td><td>128</td><td>59</td></tr> <tr><td>2021</td><td>31</td><td>28</td></tr> <tr><td>2022</td><td>0</td><td>0</td></tr> </tbody> </table> <p>Sumber: Bahagian SPM dan Bahagian Statistik MIDA</p>	Tahun	Permohonan (Bil.)	Kelulusan (Bil.)	2016	95	46	2017	76	27	2018	58	32	2019	71	21	2020	128	59	2021	31	28	2022	0	0	<p>MIDA melonggarkan syarat kelulusan geran DISF antaranya pengecualian syarat pelaburan harta tetap dan perbelanjaan operasi berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.</p>
Tahun	Permohonan (Bil.)	Kelulusan (Bil.)																									
2016	95	46																									
2017	76	27																									
2018	58	32																									
2019	71	21																									
2020	128	59																									
2021	31	28																									
2022	0	0																									

BIL.	GERAN	TREND	SEBAB																								
3.	GI	<p style="text-align: center;"><b>CARTA 5</b> <b>TREND PERMOHONAN DAN KELULUSAN GI</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Permohonan (Bil.)</th> <th>Kelulusan (Bil.)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2016</td><td>39</td><td>32</td></tr> <tr><td>2017</td><td>97</td><td>13</td></tr> <tr><td>2018</td><td>107</td><td>26</td></tr> <tr><td>2019</td><td>95</td><td>22</td></tr> <tr><td>2020</td><td>83</td><td>30</td></tr> <tr><td>2021</td><td>85</td><td>16</td></tr> <tr><td>2022</td><td>125</td><td>40</td></tr> </tbody> </table> <p>Sumber: Bahagian Pasca Pelaburan MIDA</p>	Tahun	Permohonan (Bil.)	Kelulusan (Bil.)	2016	39	32	2017	97	13	2018	107	26	2019	95	22	2020	83	30	2021	85	16	2022	125	40	<p>Kelulusan GI tertakluk kepada jumlah siling peruntukan mengikut tahun yang disalurkan oleh Kementerian Ekonomi.</p>
Tahun	Permohonan (Bil.)	Kelulusan (Bil.)																									
2016	39	32																									
2017	97	13																									
2018	107	26																									
2019	95	22																									
2020	83	30																									
2021	85	16																									
2022	125	40																									

Sumber: Bahagian SPM, Bahagian Statistik dan Bahagian Pasca Pelaburan MIDA

- iii. Setakat 31 Disember 2022, semakan Audit mendapati penyerahan balik geran telah diluluskan bagi lima projek di bawah geran HIF berjumlah RM50.93 juta, 36 projek di bawah geran DISF berjumlah RM90.98 juta dan 10 projek di bawah geran GI berjumlah RM20.57 juta. Ia meliputi dua projek bernilai RM4.53 juta di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 serta lapan projek bernilai RM16.04 juta di bawah peruntukan Kumpulan Wang Amanah Covid-19 (KWC-19). Butiran justifikasi penyerahan balik sampel geran diperincikan dalam **Jadual 6**.

#### **JADUAL 6** **PENYERAHAN BALIK GERAN HIF, DISF DAN GI**

BIL.	GERAN	JUSTIFIKASI
1.	HIF	Syarikat membuat permohonan penyerahan balik geran kerana syarikat tidak lagi beroperasi di Malaysia dan telah memindahkan operasi pengilangan ke negara lain.
2.	DISF	Syarikat membuat permohonan penyerahan balik geran kerana tidak mematuhi peraturan dan garis panduan kelulusan geran.
3.	GI	Agensi Pelaksana tidak berupaya melaksanakan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sumber: Bahagian SPM dan Bahagian Pasca Pelaburan MIDA

#### **Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 Ogos 2023**

MIDA secara proaktif telah mengambil langkah-langkah untuk melonggarkan syarat geran berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 bagi kelulusan geran DISF. Trend kelulusan GI adalah tertakluk kepada jumlah siling peruntukan mengikut tahun yang disalurkan oleh Kementerian Ekonomi.

**Pendapat  
Audit**

**Berdasarkan trend kelulusan insentif dan geran, program galakan pelaburan merupakan antara faktor yang menarik pelabur membuat pelaburan di Malaysia.**

## b. Pencapaian Output Geran IF

- i. MITI dan MIDA telah menandatangani tiga perjanjian berkaitan geran IF bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 dengan siling berjumlah RM226 juta melalui peruntukan di bawah RMKe-11, RMKe-12 dan PEMERKASA KWC-19.
- ii. Merujuk Klausus 5 dan Appendix 4 perjanjian antara MITI dan MIDA tersebut, sasaran kelulusan geran IF yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah sebanyak 339 projek merangkumi sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Butiran sasaran berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**SASARAN KELULUSAN PERMOHONAN GERAN IF**

BIL.	TAHUN	RMKe-11 (Bil.)	RMKe-12 (Bil.)	PEMERKASA KWC-19 (Bil.)	JUMLAH MENGIKUT TAHUN (Bil.)
1.	2019	60	-	-	60
2.	2020	70	-	-	70
3.	2021	80	21	35	136
4.	2022	-	38	35	73
<b>JUMLAH MENGIKUT RMK</b>		<b>210</b>	<b>59</b>	<b>70</b>	<b>339</b>

Sumber: Perjanjian MITI dan MIDA

Nota: Bilangan Sasaran Projek adalah Merangkumi Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan

- iii. Semakan Audit mendapati MIDA telah meluluskan sebanyak 287 geran IF berjumlah RM104.36 juta berbanding 504 permohonan yang diterima bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Kelulusan geran IF sebanyak 287 projek tersebut tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu hanya 84.7% berbanding 339 kelulusan projek yang ditetapkan bagi tempoh yang sama dalam perjanjian.
- iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap Minit Mesyuarat IIFC mendapati MIDA telah membuat perubahan sasaran kelulusan geran IF kepada 239 secara dalaman. Perubahan sasaran tersebut dibuat disebabkan peruntukan yang diterima hanya berjumlah RM105 juta berbanding siling peruntukan yang dinyatakan dalam perjanjian berjumlah RM226 juta. Prestasi kelulusan geran IF sebanyak 287 projek adalah 120.1% berbanding sasaran dalaman sebanyak 239. Bagaimanapun setakat 30 Jun 2023, perjanjian tambahan melibatkan perubahan sasaran kelulusan tersebut belum ditandatangani antara MITI dan MIDA.

- v. Butiran lanjut pencapaian kelulusan geran IF adalah seperti dalam **Jadual 8.**

**JADUAL 8**  
**PENCAPAIAN KELULUSAN GERAN IF BERBANDING SASARAN**

BUTIRAN	TAHUN 2019	TAHUN 2020	TAHUN 2021	TAHUN 2022	JUMLAH
Sasaran Berdasarkan Perjanjian MITI dan MIDA (Bil.) [a]	60	70	136	73	<b>339</b>
Permohonan (Bil.)	19	155	193	137	<b>504</b>
Kelulusan (Bil.) [b]	-	92	101	94	<b>287</b>
Jumlah Nilai Geran yang Diluluskan (RM Juta)	-	34.84	32.8	36.72	<b>104.36</b>
<b>Peratus Kelulusan Berbanding Sasaran Perjanjian ([b]/[a])</b>	<b>0%</b>	<b>131.4%</b>	<b>74.3%</b>	<b>128.8%</b>	<b>84.7%</b>
Sasaran Projek Diluluskan Berdasarkan Maklumat Dikemukakan Bahagian SPM (Bil.) [c]	-	73	96	70	<b>239</b>
<b>Peratus Kelulusan Berbanding Sasaran Bahagian SPM ([b]/[c])</b>	<b>0%</b>	<b>126%</b>	<b>105.2%</b>	<b>134.3%</b>	<b>120.1%</b>

Sumber: Bahagian SPM MIDA

Nota: Pencapaian dan Sasaran Projek adalah Merangkumi Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan

- vi. Semakan Audit mendapati tiada kelulusan geran bagi tahun 2019 kerana mesyuarat pertama IIFC hanya mula diadakan pada 2 Mac 2020. Semakan Audit selanjutnya mendapati MIDA telah meluluskan penyerahan balik geran IF berjumlah RM6.40 juta melibatkan 19 projek. Antara justifikasi penyerahan balik geran adalah syarikat tidak dapat memenuhi syarat yang ditetapkan, syarikat membeli mesin/peralatan/perisian sebelum kelulusan geran, dan syarikat menghadapi masalah kesan daripada pandemik Covid-19.

### Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 Ogos 2023

Klausula 5.3 perjanjian IF MITI dan MIDA menyatakan bahawa pelaksanaan projek IIF adalah 'tertakluk kepada ketersediaan dana seperti yang diluluskan oleh Kerajaan'. Klausula 5.3 ini menjadi panduan kepada pihak MITI dan MIDA bagi merancang dan mengemaskini perubahan kepada KPI. Perubahan KPI sedang diperhalusi untuk dimuktamadkan dalam perjanjian tambahan antara MITI dan MIDA.

### c. Pencapaian Output Geran SAG

- i. Berdasarkan maklumat dikemukakan oleh Bahagian SPM MIDA, sebanyak 200 projek disasarkan untuk diluluskan geran SAG bagi tahun 2021 dan 2022 merangkumi sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan.

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap data yang dikemukakan oleh Bahagian SPM MIDA mendapati 304 permohonan telah diterima bagi tahun 2021 dan 2022. Sebanyak 238 (78.3%) permohonan tersebut telah diluluskan dengan nilai kelulusan geran berjumlah RM138.55 juta.
- iii. Pencapaian kelulusan tersebut adalah sebanyak 119% berbanding 200 syarikat yang disasarkan. Pencapaian melebihi sasaran disebabkan terdapat kelulusan melibatkan nilai geran kurang daripada had maksimum RM1 juta bagi setiap projek.
- iv. Pencapaian kelulusan SAG berbanding sasaran diperincikan dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENCAPAIAN KELULUSAN SAG BERBANDING SASARAN**

BUTIRAN	TAHUN 2021	TAHUN 2022	JUMLAH
Sasaran (Bil.)	100	100	<b>200</b>
Jumlah Permohonan (Bil.)	204	100	304
Jumlah Kelulusan (Bil.)	168	70	238
Jumlah Kelulusan (RM Juta)	99.93	38.62	138.55
<b>Peratus Kelulusan Berbanding Sasaran</b>	<b>168%</b>	<b>70%</b>	<b>119%</b>

Sumber: Bahagian SPM MIDA

- v. Sehingga 31 Disember 2022, MIDA telah meluluskan penyerahan balik geran SAG berjumlah RM7.30 juta melibatkan 13 projek. Antara justifikasi penyerahan balik geran adalah syarikat tidak dapat memenuhi syarat yang ditetapkan, syarikat lewat membuat tuntutan, syarikat pembekal tidak dapat membekalkan peralatan mengikut tempoh ditetapkan dan syarikat menghadapi masalah kesan daripada pandemik Covid-19.

#### **Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 Ogos 2023**

MIDA mengesahkan pencapaian kelulusan SAG adalah sebanyak 119%, iaitu 238 projek berbanding 200 syarikat yang disasarkan.

**Pendapat Audit** | **Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian geran IF dan SAG adalah melebihi sasaran.**

## **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Prestasi pencapaian keberhasilan untuk program galakan pelaburan bagi sektor perkilangan oleh MIDA dinilai berdasarkan pencapaian objektif yang telah ditetapkan bagi setiap insentif dan geran.

### **5.1.2.1. Pencapaian Keberhasilan – Insentif**

- a. Berdasarkan peruntukan Akta 327, pemberian insentif PS dan ITA adalah untuk mendorong pelabur membuat pelaburan bagi menggalakkan aktiviti eksport dan maksud yang bersampingan dan berkaitan. MIDA menetapkan sasaran keberhasilan berbeza antara syarikat tertakluk kepada komitmen setiap syarikat.
- b. Berdasarkan kertas pembentangan impak insentif kepada YB Menteri Kewangan pada 1 Oktober 2018, keberhasilan pemberian insentif dinilai berdasarkan *Cost Benefit Analysis* (CBA) yang meliputi empat elemen iaitu:
  - Penciptaan nilai merangkumi nilai pelaburan diluluskan, nilai eksport, nilai ditambah, nilai pelaburan dalam harta tetap dan nilai perbelanjaan operasi.
  - Kesan limpahan merangkumi nilai perbelanjaan bahan mentah tempatan dan pembangunan vendor tempatan.
  - Pekerjaan merangkumi pewujudan peluang pekerjaan dan guna tenaga rakyat Malaysia.
  - Impak sosial merangkumi kerjasama dengan universiti dan perbelanjaan R&D.
- c. Pembentangan ini meliputi kajian terhadap 16 syarikat multinasional yang terpilih. Bagaimanapun, **penilaian impak yang menyeluruh melibatkan kesemua penerima insentif tidak pernah dijalankan** oleh MIDA bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Sehubungan itu, objektif keberkesanan program galakan pelaburan bagi insentif PS dan ITA tidak dapat dinilai sama ada memberi impak positif kepada landskap pelaburan negara.
- d. MIDA tidak melaksanakan penilaian impak kerana tidak mempunyai pangkalan data projek yang menyeluruh dan maklumat yang dikemukakan oleh syarikat adalah dalam bentuk *hardcopy*. Selain itu, terma rujukan NCI juga tidak menetapkan untuk memantau pencapaian keberhasilan pemberian insentif.

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat penerima insentif PS dan ITA ada mengemukakan laporan pematuhan tahunan untuk penilaian MIDA. Analisis audit telah dibuat terhadap laporan tersebut bagi 23 sampel projek PS dan dua projek ITA. Pencapaian keberhasilan insentif diperincikan seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**ANALISIS AUDIT TERHADAP PENCAPAIAN KEBERHASILAN INSENTIF**

BIL.	BUTIRAN INDIKATOR	SASARAN	PENEMUAN AUDIT	PENCAPAIAN KEBERHASILAN
<b>TARAF PERINTIS (BIL. SAMPEL: 23 PROJEK)</b>				
1.	<b>Penciptaan Nilai</b>			
	i. Nilai Tambah	20% - 65%	28% - 81.1%	✓
	ii. Pelaburan Harta Tetap	RM3.07 juta - RM241.60 juta	RM13.12 juta - RM539.83 juta	✓
	iii. Perbelanjaan Operasi	RM500,000 - RM3 juta	RM592,059 - RM11.50 juta	✓
2.	<b>Kesan Limpahan</b>			
	i. Perbelanjaan Tempatan	RM1.330 bilion	RM1.330 bilion	✓
	ii. Kerjasama dengan Syarikat Tempatan	75 syarikat tempatan	75 syarikat tempatan	✓
3.	<b>Pekerjaan</b>			
	i. Guna Tenaga Rakyat Malaysia	Melebihi 80%	80% - 100%	✓
4.	<b>Impak Sosial</b>			
	i. Kerjasama dengan Universiti Tempatan	Bekerjasama dengan universiti tempatan	Bekerjasama dengan universiti tempatan	✓
	ii. Perbelanjaan untuk Aktiviti R&D	1% hingga 2% daripada jualan kasar atau di antara RM3.20 juta hingga RM324 juta	1% hingga 3% daripada jualan kasar atau di antara RM10.05 juta hingga RM660.72 juta	✓
<b>ELAUN CUKAI PELABURAN (BIL. SAMPEL: 2 PROJEK)</b>				
1.	<b>Penciptaan Nilai</b>			
	i. Nilai Tambah	45%	52.4%	✓
	ii. Pelaburan Harta Tetap	RM975.40 juta	RM1.771 bilion	✓
2.	<b>Kesan Limpahan</b>			
	i. Perbelanjaan Tempatan	RM8 bilion	RM29.860 bilion	✓
	ii. Kerjasama dengan Syarikat Tempatan	5 syarikat tempatan	5 syarikat tempatan	✓
3.	<b>Peluang Pekerjaan</b>			
	i. Guna Tenaga Rakyat Malaysia	80%	93% - 100%	✓
4.	<b>Impak Sosial</b>			
	i. Kerjasama dengan Universiti Tempatan	4 universiti tempatan	4 universiti tempatan	✓
	ii. Perbelanjaan untuk Aktiviti R&D	1% daripada jualan kasar	2.2% daripada jualan kasar	✓

Sumber: Laporan Prestasi Tahunan, Laporan Pematuhan Tahunan dari Sistem InvestMalaysia MIDA dan Analisis Audit

Nota: ✓ - Mencapai Sasaran

- f. Lawatan fizikal juga telah dijalankan ke empat syarikat yang menerima insentif PS dan satu syarikat yang menerima insentif ITA. Pengesahan telah dibuat terhadap pematuhan syarat insentif, maklumat eksport dan percuakan. Kelima-lima syarikat didapati telah beroperasi, mematuhi syarat insentif, menjalankan aktiviti eksport dan juga menikmati faedah pengecualian cukai yang diberikan. Kelima-lima syarikat juga amat menghargai program galakan pelaburan ini berdasarkan maklum balas terhadap soal selidik yang diberikan.

### **Maklum balas MIDA dan MITI yang diterima pada 14 Ogos 2023**

MIDA perlu menyediakan pangkalan data sebenar bagi membolehkan penilaian impak yang menyeluruh dijalankan. Penilaian MIDA tertakluk kepada ketersediaan data dalam sistem InvestMalaysia. MIDA sedang meningkatkan kerjasama dan libat urus dengan agensi berkaitan antaranya LHDNM bagi tujuan pengumpulan data sebenar.

#### **5.1.2.2. Pencapaian Keberhasilan – Geran**

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Keberhasilan menetapkan supaya agensi melaksanakan penilaian keberhasilan program pembangunan sebagai salah satu kaedah dalam mengukur pencapaian program. Objektif yang ditetapkan oleh setiap geran adalah sebagaimana dinyatakan dalam **Rajah 1**.
- b. Semakan Audit mendapati MITI telah menyalurkan geran sejumlah RM250,000 kepada MIDA pada 14 Oktober 2020 bagi tujuan kajian '*Study on the Impact of High Impact Fund (HIF) and Domestic Investment Strategic Fund (DISF)*'. Sejumlah RM112,006.24 daripada amaun yang disalurkan telah dibayar kepada satu syarikat yang dilantik untuk menjalankan kajian tersebut. Bagaimanapun, kajian tersebut tidak diteruskan setelah Jawatankuasa Teknikal berpandangan laporan interim yang disediakan tidak memuaskan dan MIDA telah memulangkan baki berjumlah RM137,993.76 kepada MITI.
- c. MIDA juga pernah melaksanakan penilaian impak geran DISF melibatkan 22 syarikat penerima geran dan membentangkan laporan tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Bilangan 4 Tahun 2015 pada 12 November 2015.
- d. Setakat 31 Disember 2022, semakan Audit mendapati MITI dan MIDA masih belum melaksanakan penilaian pencapaian keberhasilan secara menyeluruh melibatkan semua penerima geran untuk mengukur pencapaian objektif yang ditetapkan. Penilaian keberhasilan mengikut geran HIF, DISF dan GI setelah

tamat tempoh RMKe-11 juga tidak dilaksanakan oleh MITI dan MIDA. Oleh itu, pencapaian keberhasilan mengikut objektif yang ditetapkan bagi setiap geran tidak dapat ditentukan.

- e. Semakan Audit mendapati syarikat penerima geran HIF, DISF, IF dan SAG ada mengemukakan laporan impak geran melalui *Report on Impact of Customised Incentives (Including Grants) Under Strategic/High Impact Fund, Report on Impact of Customised Incentives (Including Grants) Under Domestic Investment Strategic Fund*, Laporan Status Faktor Anjakan (Shift Factor) IF dan Laporan Status *Committed Deliverables* SAG. Maklumat daripada laporan impak tersebut seterusnya dibentangkan dalam JPPG mengikut syarikat secara individu sebelum sebarang tuntutan geran diluluskan. Bagaimanapun, MIDA masih belum membuat kompilasi maklumat indikator keberhasilan melibatkan semua syarikat daripada laporan impak geran yang telah dikemukakan syarikat berkenaan.
- f. Analisis Audit telah dibuat terhadap laporan impak geran dan Laporan Permohonan Tuntutan Geran melibatkan 144 sampel geran HIF, DISF, IF dan SAG yang telah membuat tuntutan penuh. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Jadual 12**.

**JADUAL 11**  
**RINGKASAN ANALISIS AUDIT TERHADAP**  
**PENCAPAIAN INDIKATOR KEBERHASILAN MENGIKUT GERAN**

BIL.	BUTIRAN	HIF	DISF	IF	SAG	GI
1.	Bil. Projek yang Telah Siap dan Dituntut Penuh bagi Tempoh Tahun 2016 - 2022	5	40	70	166	155
2.	Bil. Sampel Audit	5	40	49	50	Tiada*
3.	Bil. Indikator Ditetapkan oleh MIDA	6	8	3	4	Masih Belum Ditetapkan

Sumber: Laporan Impak Geran, Laporan Permohonan Tuntutan Geran dan Analisis Audit

Nota: (\*) - Analisis Audit Terhadap GI Tidak Dilaksanakan Kerana MIDA Tidak Menetapkan Indikator Keberhasilan

**JADUAL 12**  
**ANALISIS AUDIT TERHADAP PENCAPAIAN KEBERHASILAN GERAN**

BIL.	BUTIRAN INDIKATOR	SASARAN	PENEMUAN AUDIT	PENCAPAIAN INDIKATOR
<b>HIF (BIL. SAMPEL: 5 PROJEK)</b>				
1.	Pelaburan aset tetap dan perbelanjaan operasi	RM37.40 juta - RM965.46 juta	RM94.92 juta - RM1,085.67 juta	✓
<b>DISF (BIL. SAMPEL: 40 PROJEK)</b>				
2.	Pelaburan aset tetap dan perbelanjaan operasi	RM0.89 juta - RM605.01 juta	RM0.85 juta - RM607.01 juta	✓

BIL.	BUTIRAN INDIKATOR	SASARAN	PENEMUAN AUDIT	PENCAPAIAN INDIKATOR
<b>IF (BIL. SAMPEL: 49 PROJEK)</b>				
3.	i. Manusia ii. Proses iii. Teknologi	Sekurang-kurangnya mencapai satu daripada tiga faktor anjakan dilaksanakan	i. 21 mencapai ketiga-tiga faktor anjakan iaitu manusia, proses dan teknologi ii. 10 mencapai dua faktor anjakan iaitu proses dan teknologi iii. Tiga mencapai dua faktor anjakan iaitu manusia dan proses iv. 12 mencapai satu faktor anjakan – proses v. Tiga mencapai satu faktor anjakan – teknologi	✓
<b>SAG (BIL. SAMPEL: 50 PROJEK)</b>				
4.	i. Pengurangan pekerja kurang mahir ii. Pengurangan jam kerja iii. Peningkatan kapasiti pengeluaran iv. Peningkatan kualiti/pengurangan <i>defect rate</i>	Sekurang-kurangnya mencapai satu daripada tiga indikator dilaksanakan	i. Tujuh syarikat mencapai keempat-empat <i>committed deliverables</i> ii. 13 mencapai tiga <i>committed deliverables</i> iii. 16 mencapai dua <i>committed deliverables</i> iv. 14 mencapai satu <i>committed deliverables</i>	✓
<b>GI</b>				
5.	Analisis audit tidak dibuat terhadap GI kerana indikator pengukuran keberhasilan masih belum ditetapkan			

Sumber: Laporan Impak Geran, Laporan Permohonan Tuntutan Geran dan Analisis Audit

Nota: ✓ - Mencapai Sasaran ✘ - Tidak Mencapai Sasaran

g. Lawatan fizikal Audit terhadap 17 projek yang telah membuat tuntutan penuh dan satu projek GI yang sedang dalam pembinaan telah dilaksanakan pada bulan Mac dan Jun 2023 di negeri Kedah, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Selangor mengesahkan bahawa geran yang diberikan telah membantu dalam aktiviti/proses syarikat/PBT berkaitan. Selain itu, lawatan turut mengesahkan bahawa geran telah digunakan untuk pembelian mesin/peralatan/sistem.

### Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 dan 25 Ogos 2023

MIDA memberi komitmen untuk melaksanakan penilaian impak tersebut setelah sesuatu geran tamat tempoh. MIDA juga akan menambah baik dan mempertingkatkan keupayaan sistem InvestMalaysia untuk menyediakan data yang lebih teratur dan berstruktur. Selanjutnya, indikator pengukuran keberhasilan GI akan

dikaji bersama MITI dan Kementerian Ekonomi untuk mendapatkan impak pelaksanaan yang lebih teratur dan berstruktur.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Berdasarkan penilaian terhadap sampel Audit, pemberian insentif dan geran telah mencapai objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, impak sebenar program ini tidak dapat ditentukan kerana penilaian secara menyeluruh terhadap kesemua penerima insentif dan geran tidak dijalankan.</b>
-----------------------	--

## 5.2. Pengurusan Program Galakan Pelaburan Bagi Sektor Perkilangan

### 5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

#### 5.2.1.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Geran

- a. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, MIDA telah menerima peruntukan untuk kelima-lima geran berjumlah RM1.977 bilion. Bagi tempoh yang sama, perbelanjaan bagi kelima-lima geran adalah berjumlah RM1.556 bilion. Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan geran adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**RINGKASAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN GERAN**

<b>BUTIRAN</b>	<b>GERAN</b>					
	<b>HIF (RM Juta)</b>	<b>DISF (RM Juta)</b>	<b>IF (RM Juta)</b>	<b>SAG (RM Juta)</b>	<b>GI (RM Juta)</b>	<b>JUMLAH (RM Juta)</b>
Peruntukan	597.55	996.13	105	129.66	148.73	1,977.07
Perbelanjaan	440.11	857.99	39.68	102.81	115.45	1,556.04
<b>Baki Pada 31.12.2022</b>	<b>36.53</b>	<b>26.57</b>	<b>67.58</b>	-	<b>40.34</b>	<b>171.02</b>

Sumber: Bahagian Kewangan MIDA dan Analisis Audit

Nota: Baki Pada 31 Disember 2022 adalah Termasuk Prestasi Kewangan Geran Melibatkan Baki Awal, Peruntukan Diterima, Perbelanjaan, Pelarasan, Pulangan Syarikat dan Pulangan Balik Dana bagi Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan

#### 5.2.1.2. Perbelanjaan Melebihi Peruntukan

- a. Perenggan 7.2.1. Peraturan Kewangan dan Perakaunan MIDA menetapkan Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja MIDA adalah dikehendaki mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan di bawah kawalannya supaya Vot bagi bekalan itu tidak dilampaui.
- b. Semakan Audit mendapati **perbelanjaan geran DISF pada tahun 2021 adalah berjumlah RM133.16 juta berbanding peruntukan berjumlah RM59.38 juta**. Perkara ini disebabkan MIDA meluluskan

permohonan geran berdasarkan kos projek DISF yang berjumlah RM1 bilion dan tidak berdasarkan peruntukan tahunan yang diterima. Semakan Audit selanjutnya terhadap Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, geran DISF direkodkan berbaki negatif sejumlah RM73.78 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**

BUTIRAN	GERAN DISF (RM Juta)
Peruntukan	59.38
Perbelanjaan	133.16
<b>Baki Pada 31.12.2021</b>	<b>(73.78)</b>

Sumber: Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

- c. MIDA telah menggunakan peruntukan daripada tabung geran lain untuk membiayai kurangan dana DISF. Perkara ini telah menyebabkan peruntukan dana bagi geran yang lain berkurangan dan menjasikan penawaran geran di bawah dana tersebut.

#### **Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 dan 25 Ogos 2023**

Baki negatif ini dibiayai oleh jumlah tunai yang belum digunakan di bawah projek/program lain seperti DISF RMKe-11 dan HIF RMKe-11. Penambahbaikan polisi pengurusan pembayaran geran diluluskan oleh JPPG dan diedarkan merangkumi perkara berikut:

- Polisi baharu Mesyuarat JPPG hanya mempertimbangkan kelulusan permohonan tuntutan DISF tidak melebihi dana sedia ada.
- Sistem perakaunan MIDA menggunakan konsep akruan mengakibatkan liabiliti kepada MIDA kerana pembayaran tidak dapat dibuat disebabkan kekurangan dana DISF.

MIDA mengemaskini portal secara berkala untuk tujuan pemantauan dan mengawal selia status tuntutan geran.

#### **5.2.1.3. Komitmen Melebihi Baki Geran dan Baki Siling**

- a. Merujuk kepada perjanjian MIDA dan syarikat, geran HIF dan DISF ditawarkan secara konsep padanan (matching) masing-masing pada kadar 50:50 dan 1:1 untuk membiayai sesuatu projek. Komitmen merujuk kepada tanggungjawab MIDA untuk melunaskan geran yang telah ditandatangani.

- b. Komitmen bagi geran HIF pada 31 Disember 2022 telah direkodkan pada RM453.29 juta melebihi baki siling yang belum disalurkan berjumlah RM214 juta. Oleh itu, komitmen yang tidak mampu dibiayai di bawah RMKe-12 adalah berjumlah RM239.29 juta.
- c. Komitmen bagi geran DISF pula pada 31 Disember 2022 telah direkodkan pada RM540.04 juta melebihi baki siling yang belum disalurkan berjumlah RM308.87 juta. Oleh itu, komitmen yang tidak mampu dibiayai oleh RMKe-12 adalah berjumlah RM231.17 juta.
- d. Analisis Audit mendapati kedudukan komitmen MIDA berbanding baki geran HIF dan DISF pada 31 Disember 2022 adalah pada nisbah di antara 12:1 dan 20:1. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**KOMITMEN MELEBIHI BAKI GERAN DAN BAKI SILING GERAN HIF DAN DISF**

BUTIRAN	GERAN	
	HIF (RM Juta)	DISF (RM Juta)
Kos Projek	438.60	1,000
Peruntukan setakat 31.12.2022	597.55	996.13
Perbelanjaan setakat 31.12.2022	440.11	857.99
Baki Pada 31.12.2022*	36.53	26.57
<b>Komitmen Pada 31.12.2022</b>	<b>453.29</b>	<b>540.04</b>
Baki Siling Belum Salur	214	308.87
Nisbah Komitmen kepada Baki Pada 31.12.2022	12 : 1	20 : 1

Sumber: Laporan MyProjek, Bahagian Kewangan MIDA dan Analisis Audit

Nota: (\*) - Baki Pada 31 Disember 2022 adalah Termasuk Prestasi Kewangan Geran Melibatkan Baki Awal, Peruntukan Diterima, Perbelanjaan, Pelarasan, Pulangan Syarikat dan Pulangan Balik Dana

- e. Komitmen yang tinggi ini disebabkan pengurusan dana yang kurang cekap dari aspek penyelarasian keperluan kewangan untuk menyelesaikan komitmen dan kelulusan baharu permohonan geran. Perkara ini boleh menjelaskan kepercayaan pelabur terhadap program galakan pelaburan yang ditawarkan sekiranya MIDA tidak dapat memenuhi komitmen yang telah diluluskan.

#### **Maklum balas MIDA yang diterima pada 14 Ogos 2023**

MIDA akan memohon peruntukan tambahan siling daripada MITI atau tuntutan tersebut akan diluluskan pada tahun hadapan tertakluk kepada ketersediaan dana.

**Pendapat Audit** | **Pengurusan dana yang kurang cekap bagi geran HIF dan DISF menyebabkan baki peruntukan tidak mencukupi untuk menyelesaikan komitmen dan perbelanjaan yang terlibat.**

## 5.2.2. Nilai Pelaburan Diluluskan dan Direalisasikan bagi Sektor Perkilangan

- a. MITI menetapkan sasaran pelaburan direalisasikan adalah sebanyak 75% daripada sasaran nilai pelaburan diluluskan bagi tahun 2016 hingga 2018. Tiada ketetapan sasaran dibuat bagi tahun 2019 dan 2020 manakala sebanyak 70% pula disasarkan untuk direalisasikan bagi tahun 2021 dan 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**NILAI PELABURAN DILULUSKAN DAN DIREALISASIKAN**

BUTIRAN	NILAI PELABURAN DILULUSKAN							
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
Sasaran Nilai Pelaburan Diluluskan Bagi Sektor Perkilangan (RM Bilion)	59	55	55	55	58	58	58	<b>398</b>
Sasaran Nilai Pelaburan Direalisasikan (%)	75%	75%	75%	-	-	70%	70%	-
Pencapaian Pelaburan Diluluskan Bagi Sektor Perkilangan (RM Bilion)	58.495	63.681	87.376	82.727	91.263	195.119	84.274	<b>662.935</b>

Sumber: Anggaran Perbelanjaan Persekutuan MITI, KPI dan MyPerformance MIDA

- b. Semakan Audit mendapati nilai pelaburan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 adalah berjumlah RM662.935 bilion. Bagaimanapun, **nilai pelaburan direalisasikan berbanding sasaran tidak dapat ditentukan** kerana data yang dikumpul melalui sistem InvestMalaysia tidak berstruktur dan belum tersedia untuk dianalisis.
- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod nilai pelaburan diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati nilai pelaburan diluluskan berjumlah RM662.935 bilion tersebut tidak mengambil kira pelaburan berikut:
- i. Sejumlah **RM9.134 bilion nilai pelaburan yang diluluskan ICA 10** (pelaburan bagi syarikat yang dikecualikan lesen pengilang) bagi tahun 2018 hingga 2022 melibatkan 1,787 projek. Tiada data permohonan ICA 10 bagi tahun 2016 hingga 2017 kerana MIDA hanya mula membuat pengumpulan data ini bermula tahun 2018.
  - ii. Sejumlah **RM9.059 bilion projek pelaburan yang diluluskan oleh Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA)**. Jumlah ini adalah berdasarkan semak silang Audit terhadap rekod kelulusan pelaburan oleh IPA yang dibuat melalui prosedur pengesahan pihak ketiga.

- iii. **Nilai pelaburan modal bagi 280 syarikat yang diluluskan geran IF dan 209 syarikat yang diluluskan geran SAG.** Bagaimanapun, nilai pelaburan modal bagi syarikat tersebut tidak dapat ditentukan kerana kaedah pengiktirafan nilai pelaburan masih belum ditetapkan oleh MIDA. Geran tersebut diluluskan oleh *Industry4WRD Intervention Fund Approval Committee* (IIFC) serta *Smart Automation Grant Approval Committee* (SAGAC) dan bukan di bawah NCI.
- d. Kaedah pengumpulan maklumat yang tidak komprehensif ini boleh menyebabkan prestasi pelaburan tahunan yang dilaporkan oleh MIDA setiap tahun tidak menggambarkan kedudukan sebenar jumlah pelaburan yang diluluskan dan direalisasikan.

#### **Maklum balas MIDA dan MITI yang diterima pada 14 Ogos 2023**

MIDA akan mengkaji keperluan dan kesesuaian untuk melaporkan nilai pelaburan bagi syarikat yang diluluskan ICA 10, pelaburan yang diluluskan oleh IPA dan pelaburan bagi syarikat yang diluluskan geran IF dan SAG.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Data pelaburan yang tidak berstruktur dan tidak tersedia untuk dianalisis menyebabkan nilai pelaburan direalisasikan tidak dapat ditentukan. Selain itu, maklumat pelaburan diluluskan yang kurang komprehensif tidak menggambarkan nilai keseluruhan pelaburan dalam negara.</b>
-----------------------	--

### **5.2.3. Pematuhan Syarat Kelayakan Geran**

#### **5.2.3.1. Penarikan Balik Geran Tamat Tempoh**

- a. Klaus 4.5 Perjanjian geran HIF dan DISF menetapkan sekiranya syarikat tidak membuat tuntutan dalam tempoh kelulusan geran, MIDA berhak membatalkan geran dan tidak memproses apa-apa bayaran yang berkaitan. Prosedur Penarikan/Penyerahan Balik Kelulusan Galakan dan/atau Geran yang dikeluarkan oleh MIDA pada tahun 2015 pula menetapkan geran yang telah tamat tempoh hendaklah ditarik balik setelah MIDA mengeluarkan notis untuk syarikat memberi maklum balas dalam tempoh 14 hingga 30 hari.
- b. Semakan Audit mendapati MIDA telah meluluskan enam geran HIF dan dua geran DISF berjumlah RM54.65 juta melibatkan lapan syarikat. Bagi geran HIF, empat syarikat belum membuat tuntutan geran manakala dua syarikat

telah menuntut sebahagian geran. Bagi geran DISF pula, kedua-dua syarikat telah menuntut sebahagian geran. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua geran tersebut telah tamat tempoh antara tahun 2018 hingga 2022.

**Bagaimanapun sehingga 30 Jun 2023, tiada rekod menunjukkan MIDA mengeluarkan notis untuk menarik balik kelulusan geran yang telah tamat tempoh tersebut.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17  
GERAN TAMAT TEMPOH DAN TIDAK DITARIK BALIK**

BIL.	STATUS GERAN	TEMPOH GERAN	BIL. SYARIKAT	JUMLAH GERAN (RM Juta)
<b>HIF</b>				
1.	Belum Tuntut	2018 – 2021	1	3.29
2.	Belum Tuntut	2019 – 2022	3	33.85
3.	Telah Menuntut Sebahagian	2018 – 2021	1	0.91
4.	Telah Menuntut Sebahagian	2019 – 2022	1	8.10
<b>DISF</b>				
1.	Telah Menuntut Sebahagian	2015 – 2018	1	1.95
2.	Telah Menuntut Sebahagian	2018 – 2019	1	6.55
<b>JUMLAH</b>				<b>54.65</b>

Sumber: Perjanjian Geran HIF dan DISF

Nota: Dua daripada Lapan Syarikat Belum Menandatangani Perjanjian Geran. Amaun Geran adalah Berdasarkan Surat Kelulusan Geran

- c. Perkara ini berlaku disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh MIDA kerana penyelenggaraan data dibuat secara manual menyukarkan MIDA untuk membuat semakan.
- d. Sehubungan itu, tindakan pembatalan perjanjian dan penarikan balik kelulusan geran tidak dapat dilaksanakan. Perkara ini seterusnya menyebabkan geran tersebut kekal direkodkan sebagai komitmen dan geran tidak dapat ditawarkan kepada syarikat lain.

#### **Maklum balas MIDA dan MITI yang diterima pada 14 dan 25 Ogos 2023**

Penarikan balik telah dibuat selepas teguran audit – Satu syarikat (2 Ogos 2023).

Dalam proses penarikan balik – Lima syarikat.

Sedang meneliti penarikan balik – Dua syarikat.

MIDA menambah baik sistem sedia ada bagi mengesan proses menarik balik geran yang telah tamat tempoh dan melaksanakan data *cleansing* secara berkala bagi memastikan amaun komitmen yang direkodkan sentiasa dikemas kini.

### 5.2.3.2. Pemulangan Bayaran Balik Pendahuluan

- Merujuk kepada Garis Panduan geran IF, pemohon yang diluluskan geran IF boleh menerima bayaran pendahuluan maksimum 40% daripada 70% geran sepadan, tertakluk kepada lokasi negeri. Seterusnya, surat kelulusan dan perjanjian geran IF menetapkan MIDA berhak menarik balik geran-geran yang tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan geran dan yang telah tamat tempoh serta tidak boleh dituntut lagi. Pihak syarikat dikehendaki membuat bayaran balik kepada MIDA dalam tempoh 14 hari bekerja daripada notis penarikan tersebut. Klausula 8.3 (ii) perjanjian geran menyatakan sekiranya tiada sebarang pembayaran diterima dalam tempoh 14 hari bekerja daripada notis tersebut, tindakan undang-undang akan diambil dan segala kos akan ditanggung oleh syarikat.
- Semakan Audit terhadap 64 sampel syarikat mendapati MIDA telah membayar pendahuluan geran tetapi telah menarik balik kelulusan geran IF melibatkan dua syarikat. Notis penarikan balik pendahuluan geran telah dikeluarkan kepada dua syarikat tersebut **tetapi sehingga 30 Jun 2023, syarikat belum membuat pemulangan bayaran balik pendahuluan kepada MIDA dengan kelewatan masing-masing sebanyak 424 hari dan 178 hari.** Selain itu, tiada bukti menunjukkan tindakan undang-undang telah diambil terhadap syarikat yang terlibat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18.**

**JADUAL 18  
SYARIKAT BELUM MEMBUAT BAYARAN BALIK GERAN PENDAHULUAN**

BIL.	SYARIKAT	STATUS SYARIKAT	TARIKH NOTIS PENARIKAN	TEMPOH MELEBIHI 14 HARI BEKERJA SELEPAS NOTIS PENARIKAN (Hari)	JUMLAH PENDAHULUAN (RM)
1.	Syarikat 1	Withdrawn	13.04.2022	424	150,000
2.	Syarikat 2	Withdrawn	14.12.2022	178	142,200
<b>JUMLAH</b>					<b>292,200</b>

Sumber: Fail Syarikat Terlibat

- Perkara ini berlaku disebabkan MIDA lewat mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang mengikut klausula perjanjian dan risiko akan berlaku ketirisan wang awam, sekiranya jumlah tersebut tidak dapat dikutip semula.

## **Maklum balas MIDA dan MITI yang diterima pada 14 Ogos 2023 dan 20 September 2023**

Syarikat 1 – MIDA mengeluarkan notis untuk memulakan tindakan undang-undang pada 18 September 2023.

Syarikat 2 – MIDA mengutip balik bayaran pendahuluan secara ansuran.

**Pendapat Audit** | **Kelewatan MIDA mengambil tindakan terhadap syarikat yang tidak mematuhi syarat kelayakan berisiko kepada ketirisan wang awam.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhan, Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan oleh MIDA menunjukkan pencapaian keberhasilan meliputi penciptaan nilai, kesan limpahan, pewujudan peluang pekerjaan dan impak sosial. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan seperti data berkaitan pelaburan bagi setiap projek yang diluluskan insentif dan geran tidak diselenggara dengan lengkap dan maklumat masih disimpan secara manual; nilai pelaburan direalisasikan tidak dapat ditentukan kerana data tidak tersedia untuk dianalisis; penilaian keberhasilan secara menyeluruh terhadap syarikat yang menerima insentif dan geran tidak dilaksanakan; pengurusan dana kurang teratur menyebabkan berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan dan komitmen melebihi baki dana; dan MIDA lewat mengambil tindakan susulan terhadap geran yang telah tamat tempoh dan juga terhadap syarikat yang tidak mematuhi syarat ditetapkan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. MIDA hendaklah menyelenggara data berkaitan pelaburan bagi setiap projek yang diluluskan insentif dan geran dengan lengkap termasuk merekodkan nilai pelaburan direalisasi untuk memastikan penilaian keberhasilan secara menyeluruh dapat dilaksanakan bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan program galakan pelaburan; dan

7.2. MIDA perlu memperkemaskan prosedur serta memberi tumpuan dalam pemantauan dan penguatkuasaan terma perjanjian agar pengurusan geran dapat dilaksanakan dengan teratur.

